



[FOTO ABDULLAH YUSOF/BH]

77,440 penjawat awam wanita kerja dari rumah

● CUEPACS cadang kerajaan gubal dasar baharu

Oleh Nadia Hamid
nnadia@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Bagi menghargai peranan wanita dalam pembangunan ekonomi dan produktiviti negara, Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) mencadangkan kerajaan menggubal dasar baharu

membenarkan kira-kira 77,440 penjawat awam wanita bekerja dari rumah.

Beri kelonggaran

Presidennya, Datuk Azih Muda, berkata cadangan itu bertujuan memberi kelonggaran kepada wanita menguruskan kerjaya dan rumah tangga, sekali gus berupaya mengekalkan tenaga mahir wanita dalam pekerjaan khususnya bagi

Azih (tengah) beramah mesra dengan peserta Sambutan Hari Wanita Sedunia 2016 anjuran CUEPACS di Kuala Lumpur, semalam.

Info

Cadangan CUEPACS

- Kelonggaran urus rumah tangga, kerjaya
- Kurang risiko isu keselamatan, jenayah
- Tingkat kualiti kerja

jawatan kritikal.

Katanya, ia termasuk mengurangkan risiko terhadap isu keselamatan dan kejadian jenayah membabitkan wanita seperti ragut, rompak dan langgar lari.

"Wanita memiliki kelemahan emosi menyebabkan mereka mudah terdedah kepada gangguan luaran yang menjejaskan kualiti pekerjaan seperti tekanan, kemurungan, mangsa jenayah dan penurunan kualiti kesuburan hingga gagal mendapatkan anak," katanya berucap pada sambutan Hari Wanita Sedunia 2016, bertemakan Peranan Wanita Dalam Dunia Digital, di sini, semalam.

Tingkat kualiti kerja

Azih berkata, tidak sukar merealisasikan langkah wanita bekerja dari rumah asalkan kerajaan menyediakan ruang perubahan dan meletakkan kepercayaan kepada pekerja menjalankan tugas di luar pejabat berikutan impaknya meningkatkan kualiti kerja serta tidak menjejaskan matlamat pembangunan negara.

"Kita kena tengok masalah berkenaan dengan serius.

"Bilangan penjawat awam wanita terkini sudah mencecah 48.4 peratus daripada jumlah keseluruhan dan bilangan itu terus meningkat setiap tahun kesan kecemerlangan pendidikan ditunjukkan golongan ini," katanya.

Mangsa jenayah siber

Sementara itu, Ketua Penolong Pengarah (Komuniti Polis) Polis Diraja Malaysia (PDRM), Datuk Siti Rohana Ahmad, berkata wanita kerap menjadi mangsa atau pemangsa jenayah siber.

Katanya, sebanyak 1,755 kes jenayah siber membabitkan wanita yang menjadi mangsa penipuan cinta dilaporkan sepanjang tahun lalu, manakala sebanyak 755 kes bagi tempoh Januari hingga Mac lalu.

"Modus operandi penjenayah siber adalah wanita berkerjaya atau profesional yang kesunyian, menipu wang dan mempergunakan wanita untuk keuntungan mereka.

"Kes turut membabitkan wanita berusia 40-an dan wanita atau ibu tunggal yang sering berasa kesunyian," katanya.